

**Yayasan Golf Amal TSM, Kelly Tan Tandatangan Perjanjian Tajaan  
Bernama  
4 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) - Yayasan Golf Amal Tan Sri Muhyiddin Yassin (TSMCGF) Selasa malam menandatangani perjanjian tajaan dengan atlet golf kebangsaan Kelly Tan, untuk persediaannya menyertai kejohanan Persatuan Golf Profesional Wanita (LPGA) tahun ini.

Upacara itu disaksikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga pengerusi TSMCGF.

Tan, 21, akan menerima sejumlah RM600,000 dan khidmat nasihat untuk persediaannya ke kejohanan itu.

LPGA ialah persatuan Amerika untuk pemain golf profesional wanita, yang mengadakan siri pertandingan golf mingguan untuk pemain elit wanita seantero dunia.

Pemegang amanah TSMCGF Tan Sri Najmuddin Megat Khas dalam sidang akhbar berkata satu pasukan pembantu terdiri daripada profesional akan dibentuk bagi membantu Tan di kejohanan itu.

"Tan menjadi duta golf kita yang akan membawa kebanggaan tidak saja kepada TSMCGF tetapi juga negara," kata beliau.

Sementara itu, Tan menyatakan penghargaan atas bantuan kewangan itu kerana ini akan mendorong beliau untuk muncul sebagai johan kelas dunia.

"Ada matlamat yang hendak saya capai. Terbesar ialah menjadi pemain nombor satu dunia. Tetapi buat masa ini saya mahu disenaraikan dalam 100 pemain golf profesional utama dunia," kata beliau.

Ketika ini, dalam Ranking Amatur Dunia, Tan menduduki tempat ke-30 dan ke-461 dalam Ranking Rolex.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019321>